

ORAL AID LOTION

Lignocaine / Chlorhexidine hydrochloride / Triamcinolone acetonide (2.5% w/v / 0.5% w/v / 0.1% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Oral Aid
2. Bagaimana Oral Aid berfungsi
3. Sebelum menggunakan Oral Aid
4. Cara menggunakan Oral Aid
5. Semasa menggunakan Oral Aid
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Oral Aid
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Oral Aid

Ubat ini digunakan untuk merawat jangkitan mulut atau luka dalam mulut.

Bagaimana Oral Aid berfungsi

Oral Aid mengandungi tiga bahan aktif yang dinamakan Lignocaine, Chlorhexidine hydrochloride dan Triamcinolone acetonide.

Lignocaine adalah ejen anestetik yang melegakan kesakitan. Chlorhexidine hydrochloride adalah ejen antibakteria yang melawan jangkitan bakteria. Triamcinolone acetonide adalah ejen anti-radang yang membantu untuk mengurangkan bengkak.

Sebelum menggunakan Oral Aid

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap:

- Lignocaine

- Chlorhexidine hydrochloride
- Triamcinolone acetonide
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan pada hujung risalah ini.

Jangan menggunakan Oral Aid selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda dibuka pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Oral Aid

Guna Oral Aid dengan berhati-hati jika anda mempunyai:

- jangkitan setempat pada kawasan rawatan
- kecederaan rongga mulut yang teruk
- herpes simpleks (jangkitan virus) pada kawasan rawatan
- tampalan gigi depan
- jangkitan gusi teruk yang menghancurkan tisu lembut dan tulang yang menyokong gigi

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Jika mengambil Oral Aid dengan banyak, berulang kali atau tertelan, lignocaine mungkin akan diserap dan berinteraksi dengan:

- beta blocker (untuk masalah jantung)
- cimetidine (untuk masalah ulu hati dan ulser perut)
- phenytoin (untuk sawan)

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Oral Aid boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika menggunakan Oral Aid.

Cara menggunakan Oral Aid

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada tempat yang berkenaan setiap satu hingga dua jam, jika perlu.

- Bila perlu digunakan

Guna ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Oral Aid selagi diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa menggunakan Oral Aid, sapu ubat ini sebaik sahaja anda teringat.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Apabila digunakan seperti yang disyorkan, jarang berlaku terlebih dos.

Semasa menggunakan Oral Aid

- **Perkara yang perlu dilakukan**

Sentiasa mematuhi arahan doktor anda dengan teliti.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau menyusukan bayi.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan menggunakan Oral Aid untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Oral Aid mempengaruhi anda.

Oral Aid Lotion mengandungi *Chlorhexidine*. Maklumkan penjaga kesihatan anda jika anda mempunyai alahan terhadap *chlorhexidine*.

Hentikan penggunaan produk ini dan dapatkan rawatan dengan segera jika anda mengalami ruam, gatal, bengkak, penafasan yang susah, pening atau degupan jantung kencang.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda

mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Kesan sampingan termasuk:

- reaksi alahan seperti ruam kulit, kemerahan, gatal atau geligata
- angioedema (bengkak di bawah kulit)
- pedih
- rasa menyengat
- bengkak
- kesakitan
- gangguan deria rasa sementara dan rasa pedih pada lidah mungkin berlaku pada awal penggunaan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting → ReportingSide Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Oral Aid

- **Penyimpanan**

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat

dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat yang kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Oral Aid atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- **Pelupusan**

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti menggunakan Oral Aid atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- **Rupa dan warna produk**

Larutan koloid berwarna putih susu, sekata dan berperisa.

- **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif:
 - *Lignocaine*
 - *Chlorhexidine hydrochloride*
 - *Triamcinolone acetonide*
- Bahan tidak aktif:
 - *Disodium Edetate*
 - *Menthol*
 - *Propylene glycol*
 - Gula
 - *Xanthan gum*

- Perasa nanas
- *Glycerine*
- *Saccharin sodium*

- Nombor MAL
MAL19871195AZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing
(Bangi) Sdn Bhd
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section
13, Bangi Industrial Area,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran
Produk**

Duopharma Manufacturing
(Bangi) Sdn Bhd
Lot 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7,
Section 13, Bangi Industrial
Area, 43650 Bandar Baru
Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RIMUP

12/09/2025

Nombor siri

NPRA(R4/1)191217/00364